

Headline	Padah usik meter elektrik		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 May 2017	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Setempat	Page No	36
ArticleSize	392 cm ²	Journalist	Mohamad Fahd
PR Value	RM 46,149		



Padah 'usik' meter elektrik

■ Kilang tekstil pasang alatubah asing selama dua tahun diarah bayar RM1,251,739

Mohamad Fahd Rahmat
fahd@hmetro.com.my

Muar

Mahkamah Tinggi Muar, di sini, semalam mengarahkan sebuah kilang tekstil membayar tuntutan berjumlah RM1,251,739.34 kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) selepas syarikat konglomerat berkenaan kehilangan pendapatan akibat perbuatan mengusik meter elektrik, empat tahun lalu.

Pesuruhjaya Kehakiman Muhammad Jamil Hussin membenarkan permohonan TNB selaku plaintif ke atas Erise Textiles Sdn Bhd, semalam.

Mahkamah turut memerintahkan syarikat beralamat di No 42, Lorong 5, Batu 3 1/2, Jalan Kluang, Batu Pahat, membayar kos RM20,000 kepada plaintif.

Muhamad Jamil dalam penghakimannya berkata,

KOMPLEKS mahkamah di Muar, Johor.



FAKTA
TNB menuntut caj kerugian bermula dari 1 Januari 2013 hingga 27 April 2015

TNB berjaya membuktikan berlakunya usikan pada meter elektrik kilang berkenaan.

"Cara pengiraan kehilangan pendapatan dikemukakan plaintif adalah munasabah," katanya.

TNB yang diwakili pe-

guam Izatunlina Jamaludin dari Tetuan Othman Hashim & Co memfailkan writ saman terhadap Erise Textiles Sdn Bhd pada 9 Mei 2016



TENAGA NASIONAL

selepas didakwa mengusik pemasangan meter elektrik.

Defendan diwakili peguam Abd Rahim Ali dari Tetuan Rahim, Aidil & Partners.

Perbicaraan selama tiga hari iaitu pada 10 dan 11 April serta 2 Mei lalu menampilkan sembilan saksi plaintif dan seorang saksi defendan yang memberikan keterangan di mahkamah.

Dalam writ saman itu, TNB menuntut caj kerugian hasil yang berjumlah RM1,251,739.34 dari 1 Januari 2013 hingga 27 April 2015 selepas pemeriksaan dibuat mendapati terdapat usikan pada pemasangan meter elektrik kilang terbabit.

TNB dalam tuntutannya, berkata, usikan terhadap pemasangan meter berke-

naan ialah alatubah asing dan bukannya dipasang pihaknya.

Harian Metro sebelum ini melaporkan TNB turut menang dalam tuntutan sivil RM1.5 juta terhadap kilang plastik Amrich Foam Manufacturing (M) Sdn Bhd atas dakwaan mengusik meter elektrik, enam tahun lalu.

Perbuatan itu dilakukan di premis kilang berkenaan di Lot 6395, Off Jalan 32, Kawasan 16, Kawasan Perindustrian Sungai Rasa, Klang, Selangor.

Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam Datuk Rosnaini Saub membenarkan tuntutan TNB selaku plaintif terhadap defendan, selain turut memerintahkan syarikat itu membayar kos RM20,000 kepada plaintif.